

Martabatkan bahasa Melayu dalam semua bidang
Utusan Online
October 14, 2011

MELAKA 13 Okt. - Masyarakat perlu memberi sokongan jitu terhadap usaha memartabatkan bahasa Melayu selaku bahasa kebangsaan dengan memperluaskan penggunaannya secara betul dalam semua bidang.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, bahasa Melayu bukan digunakan dalam aspek komunikasi semata-mata, malah perlu berfungsi sebagai bahasa ilmu dan perdagangan.

"Dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu, penggunaan 'separuh belut, separuh ular' perlu dihindari dan saya juga menyarankan supaya usaha ini turut dipikul oleh para pemimpin," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 Peringkat Kebangsaan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) di sini, hari ini.

Menurutnya, arus permodenan yang sedang rancak berlaku di negara ini juga menghakis amalan penggunaan bahasa Melayu sama ada dalam aspek komunikasi, paparan di papan iklan atau persuratan.

Rais berkata, masalah ini lebih meruncing apabila pihak swasta di negara ini memainkan peranan yang terlalu sedikit dalam mempromosikan bahasa kebangsaan dalam urusan mereka.

Justeru katanya, kementerian akan terus berusaha memartabatkan bahasa kebangsaan melalui pelbagai kempen yang melibatkan semua pihak termasuk kerajaan dan swasta.

Mengulas mengenai penggunaan bahasa kebangsaan di televisyen dan radio, Rais berkata, semua stesen mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan iaitu mempunyai lebih 60 peratus segmen dalam bahasa Melayu.

"Stesen televisyen dan radio mempunyai dasar yang jelas dan mengikuti setiap peraturan yang ditetapkan iaitu menyediakan sekurang-kurangnya 60 peratus segmen bahasa Melayu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1014&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_10.htm